



SAKARAN (tiga kanan) melancarkan buku terbitan UMS daripada Kassim (dua kiri) sambil diperhatikan Shafie (empat kiri), Nasir (empat kanan) dan Ismail (kanan).



SAKARAN menerima cenderamata Tokoh Lepa 2013 daripada Kassim (lima kiri) diperhatikan Shafie (dua kanan) dan Nasir (kanan).



KASSIM (tiga kanan) dan Ismail (dua kanan) bersama pasukan Lepa UMS yang menduduki tempat ketiga pertandingan Lepa Cantik 2013.

Martabatkan warisan bangsa di Sabah

► Saranan Naib Canselor UMS kepada pihak universiti menerusi SSS dan SPS

3 UB 25.2.2013 A15

SEMPORNA: Pada Regatta Lepa Semporna 2013, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi di Sabah bukan hanya setakat menyertai pertandingan Lepa Cantik tetapi juga telah melancarkan sebuah buku berjudul 'Tun Sakaran Dandai: Pejuang Warisan Lepa Semporna'.

Sakaran turut dianugerahkan sebagai Tokoh Lepa 2013 sebagai tanda pengiktirafan UMS kepada perjuangan dan sumbangan beliau dalam mengangkat dan memartabatkan warisan lepa di Sabah.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata pihak universiti terutamanya melalui Sekolah Sains Sosial (SSS) dan Sekolah Pengajian Seni (SPS) sentiasa memberi perhatian serius kepada kelangsungan seni dan warisan tradisi suku kaum pribumi di Sabah yang mula diancam kepupusan akibat perubahan zaman.

"Untuk tujuan ini, pihak

"Untuk tujuan ini, pihak pengurusan UMS telah memperuntukkan pelbagai dana kepada penyelidik UMS untuk menjalankan penyelidikan dan penulisan berhubung warisan suku kaum pribumi di Sabah untuk dihayati dan dibanggakan oleh seluruh rakyat Sabah dan Malaysia amnya."

PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH

Naib Canselor UMS

pengurusan UMS telah memperuntukkan pelbagai dana kepada penyelidik UMS untuk menjalankan penyelidikan dan penulisan berhubung warisan suku kaum pribumi di Sabah untuk dihayati dan dibanggakan oleh seluruh rakyat Sabah dan Malaysia amnya," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Hj Md Mansur berkata penganjuran regatta lepa ini bukan sahaja telah memberikan peluang kepada pelajar UMS untuk menyaksikan sendiri betapa uniknya warisan suku kaum Bajau di Semporna tetapi secara tidak langsung juga

telah dapat mengukuhkan jatidiri dalam kalangan diri pelajar sendiri.

Pengurus pasukan lepa UMS, Prof Madya Dr Ismail Ali pula berkata penganjuran Regatta Lepa Semporna ini bukan hanya setakat satu acara kebudayaan dan pelancongan semata-mata tetapi pada hakikatnya berupaya mengembalikan semula sejarah dan nostalgia peradaban maritim pelaut pada masa dahulu.

Dalam pertandingan Lepa Cantik, pasukan UMS yang diwakili oleh UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah berjaya menduduki tempat ketiga dengan meraih wang tunai RM4,000, sebuah enjin

sangkut dan sebuah bot gentian kaca.

Hadiyah disampaikan oleh Tun Sakaran yang turut dihadiri Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Turut hadir Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Seri Nasir Tun Sakaran dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Ismail mengucapkan terima kasih kepada Mohd Harun dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said yang sentiasa menyokong usaha memartabatkan warisan budaya tempatan melalui penyertaan UMS dalam Lepa Semporna 2013.